



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 9 NOVEMBER 2018

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11 (177)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

9 NOV 2018

HALAMAN:

8

ONLINE

Utusan MALAYA

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH TIMES

Usahawan desa nikmati manfaat Inotekdesa

PUTRAJAYA 8 Nov. - Ekspo Inovasi dan Teknologi Keusahawanan Desa (Inotekdesa) 2018 bakal menemukan para usahawan desa dengan pembekal teknologi dan inovasi dalam meningkatkan produktiviti pengeluaran serta penghasilan produk atau perkhidmatan berkualiti.

Ekspo yang bakal berlangsung dari 15 hingga 18 November ini di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Air

Keroh Melaka itu bakal memberi manfaat besar kepada para usahawan desa dalam konteks jaringan perniagaan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata, Inotekdesa bakal menjadi medium kepada para usahawan, pembekal, pemasar dan institusi pembiayaan berhubung di bawah satu bumbung.

"Peluang ini amat bermanfaat kepada usahawan-usahawan desa untuk memperluaskan lagi rangkaian perniagaan mereka serta meningkatkan peluang pasaran.

"Kita juga akan menyediakan pengisian program melibatkan perkongsian pengalaman dalam kalangan

usahawan berjaya melalui program *Pocket Talks Business Matching*," katanya di sini, semalam.

Inotekdesa yang menyasarkan 50,000 pengunjung turut

memberi ruang kepada para penyedia serta pembekal peralatan dan usahawan desa untuk mengadakan perbincangan secara terus mengenai inisiatif-inisiatif mengembangkan perniagaan.



RINA HARUN

Rina berkata,

manfaat yang bakal diperoleh oleh penaja dan pulangan kepada kementerian ialah memberi ruang kepada pempamer memperkenalkan produk berteknologi masing-masing kepada usahawan.

Beliau memberitahu, ruang pameran yang disediakan untuk para penaja akan membolehkan mereka menikmati publisiti melalui promosi oleh kementerian, menjadi rakan strategik Inotekdesa dan program-program lain di bawah kementerian.

"Kita akan pameran logo syarikat penaja sebagai latar belakang utama dan promosi melalui media sosial, mendapat pelepasan cukai perniagaan jika diluluskan Kementerian Kewangan," katanya.